



**1. PEGAWAI TUGAS-TUGAS KHAS TINGKAT II**

**KEMENTERIAN PEMBANGUNAN**

**B.2 EB.3 (\$2,270 - \$4,240 SEBULAN) ATAU**

**B.2 (\$2,270 - \$3,760 SEBULAN)**

**KEKOSONGAN = 01**

**KELAYAKAN MINIMUM:**

**1. a) TANGGAGAJI B.2 EB.3:**

Ijazah Sarjana Muda dalam bidang Pengurusan / Pentadbiran Awam / Juruukur Bahan atau bidang bersesuaian.

Mempunyai kelulusan yang lebih tinggi dalam bidang yang bersesuaian adalah kelebihan.

**b) TANGGAGAJI B.2:**

i) BDTVEC/BTEC Diploma Tertinggi Kebangsaan (HND) atau sebanding dalam bidang Pengurusan / Pentadbiran Awam / Juruukur Bahan atau bidang bersesuaian serta telah berkhidmat dalam perkhidmatan Kerajaan dalam jawatan bersesuaian dalam tanggagaji C.3 tidak kurang dari 5 tahun dan telah ditetapkan dalam jawatan.


**ATAU**

ii) Telah berkhidmat dalam perkhidmatan Kerajaan dalam jawatan bersesuaian dalam tanggagaji C.3 tidak kurang dari 7 tahun dan telah ditetapkan dalam jawatan.

**TUGAS DAN TANGGUNGJAWAB PEGAWAI TUGAS-TUGAS KHAS TINGKAT II:**

**DI DIVISYEN PEMBANGUNAN INFRASTRUKTUR**

1. Menyelaras bagi pengemaskini data-data bagi projek-projek RKN.
2. Memantau Pegawai Penyelaras Projek yang berkenaan agar sentiasa mengikuti perkembangan projek-projek dibawah tanggungjawab masing-masing.
3. Membuat semakan ke atas kerja-kerja penyelaras projek dari semasa ke semasa.
4. Memantau penyediaan Laporan Kemajuan Bulanan bagi projek-projek RKN.
5. Mengikuti rombongan lawatan ke atas tapak-tapak projek bersama Ketua Divisyen dan Jabatan pelaksana projek di bawah Kementerian Pembangunan.



6. Menerima arahan dan mengambil tindakan dari semasa ke semasa ke atas tugas dan tanggungjawab oleh pihak Kementerian Pembangunan dan mengemaskini maklumat-maklumat yang dikehendaki dari semasa ke semasa.
7. Meneliti dan memproses permohonan lantikan konsultan bagi projek-projek di bawah Kementerian Pembangunan dan Jabatan-Jabatan di bawahnya.
8. Menyelaras dan menyediakan dokumen-dokumen untuk perjanjian perlantikan konsultan dan menyediakan persuratan-persuratan perlantikan konsultan.
9. Mengumpul, meneliti dan menyediakan maklumat-maklumat projek-projek dari Jabatan-Jabatan di bawah Kementerian Pembangunan dan menghadapkan peruntukan ke JPE.
10. Menyelaras penyediaan maklumat serta meninjau ke tapak-tapak projek RKN yang akan dilawatai oleh pihak atasan.
11. Sebagai Urusetia kepada Mesyuarat (PITA) dan mengadakan mesyuarat mingguan (PITA) serta menyediakan laporan kepada Setiausaha Tetap (Teknikal dan Profesional) Kementerian Pembangunan.
12. Mengumpul, meneliti, menyediakan dan mengemaskini maklumat-maklumat projek RKN dan projek-projek OCSE yang mempunyai masalah isu Tanah untuk di bawa ke Mesyuarat Mingguan Penyelesaian Isu Tanah Awal Dalam Pelaksanaan Projek-Projek RKN dalam Pelaksanaan (PITA) dan Mesyuarat Jawatankuasa tertinggi PITA.